

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. **“Peraduan Wave & Menang!” (“Peraduan”)** dianjurkan oleh OGN Group Sdn Bhd (Jimart) (No. Syarikat: (1026984-X)) (**“Penganjur”**) dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 200801035403 [836743-D]) (**“Penaja Hadiah”**).
2. Peraduan ini terbuka kepada (a) semua pemegang kad Mesin Juruwang Automatik (**“ATM”**) MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan MyDebit di Malaysia; (b) pemegang kad ATM MyDebit tersebut mestilah berumur 18 tahun dan ke atas (c) merupakan warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang mempunyai dokumen/kad pengenalan diri yang sah semasa Tempoh Peraduan; dan (d) Pemegang Kad ATM MyDebit juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan yang aktif, tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, sepanjang Tempoh Peraduan sehingga selesai penebusan hadiah (**“Peserta”**).
3. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
 - Kakitangan Pihak Penganjur dan Penaja Hadiah (termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya) serta ahli keluarga mereka yang terdekat (anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri); dan/atau
 - Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau agensi promosi Peraduan bagi Pihak Penganjur dan Penaja Hadiah (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya), dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri).

Tempoh Peraduan & Kriteria Kelayakan

1. Peraduan ini akan berlangsung dari **24 Mac 2023 sehingga 21 Mei 2023 jam 11:59 malam** (Waktu Malaysia) (**“Tempoh Peraduan”**). Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.
2. Pembelian minimum bernilai RM70 ke atas (di dalam satu resit/transaksi) di semua cawangan Jimart's dengan menggunakan kad ATM MyDebit sebagai cara pembayaran, dibuat mengikut Tempoh Peraduan yang ditetapkan (dengan slip transaksi yang dicetak dengan jelas) akan layak untuk diambil kira sebagai penyertaan yang sah di dalam Peraduan ini (**“Bukti Pembelian”**).
3. Peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) penyertaan. Setiap SATU (1) slip transaksi layak untuk SATU (1) penyertaan sahaja. Penyertaan Peserta akan dibatalkan sekiranya slip transaksi yang sama digunakan untuk lebih daripada satu (1) penyertaan. Peserta Geng Jimart (Kad Ahli Geng Jimart) akan mendapat dua (2) penyertaan.
4. Penganjur berhak untuk meminda dan/atau, melanjutkan Tempoh Peraduan.

5. Peserta yang terpilih sebagai pemenang ("**Pemenang**") adalah diwajibkan untuk mengemukakan Bukti Pembelian sebelum penebusan/penyerahan hadiah boleh disempurnakan. Kegagalan membuat sedemikian akan mengakibatkan pembatalan kemenangan hadiah yang dimenangi oleh Peserta tersebut.
6. Bukti Pembelian mestilah melalui kaedah yang dinyatakan seperti di bawah (**Cara Penyertaan**).

Cara Penyertaan

7. Peserta boleh menghantar penyertaan mereka melalui aplikasi WhatsApp ("**Mekanisme Peraduan**").
 - Hantar penyertaan anda melalui aplikasi WhatsApp ke nombor **+6013 336 3999**
 - **Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah** mengandungi maklumat yang berikut:
 - I. Ambil gambar Bukti Pembelian;
 - II. Nama Penuh;
 - III. Mykad Nombor/ Nombor Passport;
 - IV. Nombor Telefon;
 - V. SIMPAN: **BUKTI PEMBELIAN (asal)**:
 - o Peserta akan mendapat balasan mesej (notis privasi, maklumat peserta, soalan peraduan).
 - o Dengan menghantar penyertaan melalui WhatsApp, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.
 - o Perhatian: Setiap Bukti Pembelian akan diberikan SATU (1) nombor siri secara rawak bagi satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).
8. Peserta dikehendaki mengemukakan bukti pengenalan (kat pengenalan Malaysia) semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan Peserta/Pemenang. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosal adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.

Hadiah & Penebusan

- **Hadiah (jumlah keseluruhan 126 hadiah untuk keseluruhan Tempoh Peraduan):**

Hadiah	Kategori	Jumlah Permenang
Honda Alpha Wave 110CC (Tidak termasuk yuran pendaftaran, cukai jalan dan insurans.)	Hadiah Utama	Satu (1)
RM 1000 Duit Tunai dan Igozo Elite Set perkakas masak	Hadiah Pertama	Dua (2)
TV Berjenama Panasonic 40 inchi	Hadiah Kedua	Tiga (3)
Telefon Pintar Samsung Galaxy A23	Hadiah Ketiga	Lima (5)
Igozo Bekas Tiffin	Hadiah Keempat	Empat Puluh (40)
Baucar Jimart bernilai RM20	Hadiah Saguhati	Tujuh Puluh Lima (75)

1. Segala imej gambar hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa iklan, promosi publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan Hadiah sebenar.
2. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian and kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh Pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
3. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada hadiah semasa proses penebusan.
4. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh/menukar tempat bagi menuntut Hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan hadiah pada tarikh dan tempat yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
5. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan/atau menanggung sebarang kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan penebusan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
6. Penyempurnaan hadiah adalah bergantung kepada ketersediaan hadiah. Penganjur akan memaklumkan kepada Pemenang yang dipilih dari semasa ke semasa.
7. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai Pemenang dan hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan daripada Peserta tidak akan dilayan.

8. Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta yang Terpilih / Peserta Senarai Pendek melalui maklumat yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan.
9. Selepas tamat Tempoh Peraduan, sekiranya Peserta yang Terpilih / Peserta Senarai Pendek tidak dapat dihubungi selepas TIGA kali percubaan setiap hari selama tiga hari berturut-turut ((pada hari dan waktu bekerja, Isnin – Jumaat) atau gagal untuk menjawab soalan dengan tepat, Penganjur mempunyai hak melucutkan kelayakan Peserta yang Terpilih / Peserta Senarai Pendek dan Penganjur berhak untuk menghubungi Peserta yang dipilih daripada cabutan rawak yang seterusnya dan mengisytiharkan Peserta yang terpilih tersebut sebagai pemenang mengikut budi bicara mutlak Pihak Penganjur.
10. Semua Pemenang mesti menuntut Hadiah pada tarikh yang ditentukan Pihak Penganjur atau dalam tempoh **DUA (2)** bulan selepas dihubungi oleh Pihak Penganjur (melalui SMS atau lain-lain bentuk komunikasi). Sekiranya Pemenang gagal untuk menuntut Hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain. Pemenang perlulah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah untuk menebus/menerima hadiah mereka.
11. Sekiranya Pemenang mewakilkan seseorang untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, wakil Pemenang hendaklah mengemukakan surat wakil kebenaran yang dikeluarkan oleh Pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri Pemenang dan juga dokumen pengenalan diri untuk wakil Pemenang yang sah.

Pemilihan Pemenang

1. Setiap bukti pembelian yang dihantar akan dikira sebagai satu (1) penyertaan ke dalam cabutan bertuah. Bagi Geng Jimart (Kad Ahli Jimart), penyertaan akan dikira sebagai dua (2) penyertaan.
2. Untuk hadiah utama, hadiah pertama, hadiah kedua dan hadiah ketiga, pemilihan pemenang akan dibuat secara cabutan bertuah live pada Laman Facebook rasmi Jimart (<https://www.facebook.com/ilovejimart>) pada Tarikh 27 Mei 2023, Pukul 8.00PM.
3. Untuk hadiah keempat dan hadiah saguhati, cabutan bertuah akan dibuat dengan cara rakaman dan Pemenang akan diumumkan di laman Facebook rasmi Jimart (<https://www.facebook.com/ilovejimart>) pada Tarikh 27 Mei 2023.

4. Hadiah hendaklah dituntut oleh Pemenang dalam masa Dua (2) bulan dari tarikh pemberitahuan atau kelayakan hadiah akan dilucut.

Hak Pihak Penganjur

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran pampasan kepada Pemenang/Peserta. Pemenang/ Peserta tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap material tersebut.
2. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Mengikut budi bicara Pihak Penganjur, Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah yang ditawarkan kepada Pemenang dengan hadiah lain yang sama nilainya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak Penganjur, agensi, dan penajanya serta wakil mereka tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau penyalahgunaan hadiah, atau kepada sebarang tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan Peraduan ini.
3. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, membatalkan, menamatkan, mengubah suai atau menggantung Peraduan ini.
4. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.
5. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknyanya.
6. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang terdapat di laman sesawang <https://www.facebook.com/ilovejmart> atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.

7. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di <https://www.facebook.com/ilovejmart> akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang percanggahan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
8. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.
9. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan Hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini.
10. Pihak Penganjur, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atau sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

1. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan Pihak Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.

3. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur.
4. Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan Peserta kami untuk menghubungi Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

Perlindungan Data

1. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank mereka untuk mendedahkan dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen Pihak Penganjur atau mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain daripada cara yang dinyatakan di sini.
3. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
4. Sebarang isu perlindungan data peribadi, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman sesawang Facebook Pihak Penganjur di <https://www.facebook.com/ilovejimart> atau menghubungi talian pelanggan Penganjur di **+6013 336 3999** dari Isnin – Jumaat, 9pg – 5ptg.
5. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data daripada pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.

6. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]